

17/10/1998

Cedera Anwar: Keadilan dijamin

Kadir Dikoh in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Mereka yang bertanggungjawab mencederakan Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga matanya lebam ketika berada dalam tahanan akan dihukum sewajarnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri sehubungan itu berharap orang ramai menunggu sehingga siasatan selesai sebelum tindakan itu diambil.

Sambil menegaskan tidak ada tolak ansur dalam kes itu, beliau berkata orang ramai juga mesti membenarkan proses undang-undang dijalankan di mahkamah berkisar kepada 10 tuduhan ke atas Anwar, termasuk membabitkan salah laku seks.

"Semua orang tahu matanya lebam dan kini ada tuduhan mengenai kekejaman polis. Kita juga sangat mengambil berat, kita tidak bertolak ansur kekejaman polis tetapi kita terpaksa menyiasat apa sebenarnya berlaku sama ada polis sengaja mencederakan dia atau tidak.

"Kita rasa sukar untuk memikirkan bahawa polis membuatkan matanya lebam dan kemudian bawa dia di hadapan orang ramai, tunjukkan dia..nah tengok kita sudah buat matanya lebam.

"Mesti ada sesuatu yang berlaku, mungkin provokasi atau apa sahaja, kita tidak tahu. Maka kita sudah tubuh penyiasatan," katanya dalam sesi soal jawab dengan pemimpin korporat, ahli bank dan akademik pada jamuan tengah hari anjuran Nihon Keizai Shimbun Inc di sini hari ini.

Anwar yang dibebaskan daripada tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam negeri (ISA) Rabu lalu, mendakwa polis memukulnya menyebabkan mata lebam dan luka pada badan.

Ekoran itu, polis menubuhkan pasukan penyiasat bebas diketuai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, Asisten Komisioner Mat Zain Ibrahim. Anwar ditahan polis di bawah ISA berikutan kekacauan yang dicituskan penyokongnya di sekitar Kuala Lumpur bulan lalu.

Dr Mahathir berkata, Anwar kini menjalani tahanan reman di penjara biasa setelah mahkamah tidak membenarkannya diikat jamin.

"..dan di penjara pun dia diberi layanan istimewa tidak seperti banduan lain, polis berbaik hati dengannya. Dia tidak dicerca," kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan kesal dengan stesen televisyen seperti CNN dan CNBC yang menggambarkan seolah-olah rusuhan antikerajaan berlaku setiap jam di Malaysia sejak pemecatan Anwar.

Sambil menyamakan siaran setiap jam mengenai rusuhan di Malaysia dengan gambar Presiden Clinton memeluk Monica Lewinsky, Dr Mahathir berkata, dua stesen televisyen itu memberi gambaran salah mengenai perhimpunan oleh penyokong Anwar.

"Saya melihat CNN menunjukkan Presiden Clinton memeluk Monica Lewinsky sudah 1,000 kali. Saya berpendapat kejadian memeluk itu berlaku hanya sekali.

"Di Malaysia, ada beberapa demonstrasi selama tempoh sejam atau dua jam tetapi CNN dan CNBC menayangkan setiap jam seolah-olah ia berlaku setiap masa di Malaysia.

"Sebenarnya tidak ada rusuhan dan anda boleh datang ke Malaysia. Perniagaan berjalan seperti biasa. Inilah imej buruk digambarkan oleh media Barat," katanya.

(END)